

NO.SOALAN : 227

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]

RUJUKAN : 9104

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan hukuman mati yang telah dijalankan sejak tahun 2012 bagi setiap tahun, serta untuk kesalahan apa.

JAWAPAN:

Untuk makluman, statistik Jabatan Penjara menunjukkan jumlah hukuman mati yang telah dijalankan sejak tahun 2012 sehingga kini adalah seramai 15 orang kerana melakukan kesalahan berkaitan membunuh, pengedaran dadah dan senjata api.